

Pengalaman berkayak di Klana Resort

Satu aktiviti menyeronokkan yang boleh disertai bersama keluarga, tidak sekadar menikmati penginapan selesa

■ SARINAH MAT KASIM

SEREMBAN – Bagi mereka yang gemarkan dengan sukan air, mereka boleh cuba aktiviti berkayak yang disediakan Hotel Klana Resort Seremban, di sini.

Tidak perlu bersusah payah mencari sungai atau tasik, hanya menggunakan kolam renang sedia ada sahaja, aktiviti tersebut dapat dijalankan dengan sempurna.

Hotel yang semakin terkenal di negeri ini, bukan sahaja menyediakan penginapan selesa, namun pelbagai aktiviti lasak turut disediakan bagi memberi kemudahan kepada pengunjung mengisi percutian mereka, dengan menjalankan aktiviti luar.

Pengurus Klana Resort Seremban, Mohd Yazid Mustafa berkata, aktiviti berkayak ini merupakan salah aktiviti luar yang disediakan di hotel berkenaan.

Melalui aktiviti berkayak ini, katanya, pihaknya berharap dapat menarik lebih ramai pe-



Peserta mengikat tali pada buluh untuk dijadikan rakit.

ngunjung ke hotelnya, sama ada mereka yang ingin menjalankan program team building, mahu pun bercuti bersama keluarga.

"Bagi menjalankan aktiviti berkayak, kita tidak perlu ada sungai, tasik atau laut tetapi dengan menggunakan kolam renang yang sedia ada di hotel ini, kita boleh membuat rakit dan berkayak.

"Semua peralatan membuat rakit seperti buluh, pelambung dan tali akan disediakan oleh pihak hotel, malah kita juga mempunyai tenaga mahir yang boleh mengajar cara untuk mengikat buluh itu sehingga menjadi rakit.

"Dengan kedalaman kolam renang setinggi 5 kaki itu, kita yakin peserta akan berpuas hati, sekali gus *enjoy* dapat me-

lakukan aktiviti berkayak bersama kawan-kawan", katanya.

Menurutnya, selain sukan air, pihaknya juga ada menyediakan pelbagai aktiviti lasak seperti *flying fox*, *rapelling*, *high ropes*, *spider web*, *treasure hunt*, *amazing race* dan *tele matches*.

Katanya, pihaknya juga boleh menyediakan khidmat menjalankan kursus bina se-

mangat atau *team building* kepada mana-mana persatuan, organisasi, atau kumpulan yang inginkan kelainan.

"Kepada mereka yang berminat untuk membuat kursus bina semangat, jangan bimbang kerana di Hotel Klana Resort Seremban ini, kita turut menyediakan jurulatih dan pasukan khas yang pakar dalam kendalikan *team*

building.

"Kesemua trainer kami adalah terdiri daripada mereka yang terlatih dan pakar dalam bidang masing-masing, termasuklah dalam soal keselamatan"katanya.

Kepada mereka yang berminat bolehlah layari www.klana-resort.com.my atau hubungi di talian 06-766 7888 untuk keterangan lanjut.



Aktiviti berkayak dilakukan di kolam renang sedia ada di Klana Resort Seremban.